

Penggunaan cermin gelap dibenarkan

UTUSAN MALAYSIA (08/05/2019)
MIS 02

Oleh **JUANI MUNIR ABU BAKAR**
pengarang@utusan.com.my

■ PUTRAJAYA 7 MEI

KEMENTERIAN Pengangkutan membenarkan penggunaan cermin gelap sepenuhnya pada bahagian cermin sisi kiri dan kanan penumpang serta belakang kenderaan persendirian berkuat kuasa esok.

Menteri Pengangkutan, Anthony Loke Siew Fook berkata, walau bagaimanapun kadar peratusan cermin gelap pada bahagian cermin depan kenderaan serta cermin sisi kanan dan kiri pemandu kekal seperti sedia ada.

Katanya, ia merupakan pindaan terhadap peraturan cermin gelap di bawah Kaedah-kaedah Kenderaan Motor (Larangan Mengenai Jenis-jenis Kaca Tertentu) 1991 yang turut meliputi perkhid-

matan e-hailing seperti Grab.

“Sehubungan itu, mereka yang ingin menggunakan cermin lebih gelap untuk kanan dan kiri pemandu serta depan kenderaan perlu memohon kepada Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).

“Setiap permohonan yang dikemukakan perlu atas dua faktor seperti keselamatan dan kesihatan dengan kelulusan diambil kira melalui dua sebab berkenaan,” katanya dalam sidang akhbar di sini hari ini.

Di bawah peraturan sedia ada menetapkan penggunaan cermin gelap depan 70 peratus, cermin sisi pemandu (50 peratus) dan cermin sisi belakang dan cermin sisi belakang penumpang (30 peratus).

Pada masa sama, Anthony berkata, kerajaan memutuskan bayaran sebanyak RM5,000 dikenakan kepada setiap kelu-



ANTHONY LOKE (kiri) memeriksa kadar ketelusan cahaya pada cermin penumpang hadapan selepas sidang akhbar mengenai pindaan ke atas peraturan penggunaan cermin gelap Putrajaya semalam.

lusan penggunaan cermin lebih gelap dan fi permohonan pula adalah sebanyak RM50.

“Kelulusan akan diputuskan oleh satu jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Ketua Pe-

ngarah JPJ yang mengambil kira saman tertunggak dan latar belakang pemandu,” katanya.

UTUSAN MALAYSIA (08/05/2019)

PERATURAN CERMIN GELAP KENDERAAN PERSENDIRIAN

Cermin sisi pemandu

50%

**Cermin sisi penumpang
kiri pemandu**

50%

Cermin depan kenderaan

70%

**Cermin sisi kanan belakang
penumpang**

● **Tiada Had**

(sebelum ini 30%)

**Cermin sisi kiri belakang
pemandu**

● **Tiada Had**

(sebelum ini 30%)

Cermin belakang kenderaan

● **Tiada Had**

(sebelum ini 30%)

- Peraturan baharu berkuat kuasa 8 Mei 2019
- Penguatkuasaan akan bermula tiga bulan dari tarikh peraturan ini berkuat kuasa